

HOVID-TELMISARTAN TABLET

Telmisartan 40mg dan 80mg

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Telmisartan tablet
2. Bagaimana Telmisartan tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Telmisartan tablet
4. Cara menggunakan Telmisartan tablet
5. Semasa menggunakan Telmisartan tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Telmisartan tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Telmisartan tablet

Telmisartan digunakan untuk merawat hipertensi esensial (tekanan darah tinggi). ‘Esensial’ bermaksud tekanan darah tinggi tidak disebabkan oleh sebarang keadaan lain.

Tekanan darah tinggi, sekiranya tidak dirawat, boleh merosakkan salur darah di dalam beberapa organ, yang kadang kala boleh mengakibatkan serangan jantung, kegagalan jantung atau buah pinggang, strok, atau kebutaan. Lazimnya, tiada simptom bagi tekanan darah tinggi sebelum kerosakan berlaku. Justeru, adalah penting untuk memeriksa tekanan darah dengan kerap untuk mengesahkan ia berada dalam keadaan normal.

Telmisartan juga digunakan untuk mengurangkan kejadian kardiovaskular (iaitu serangan jantung atau strok) ke atas pesakit yang berisiko kerana bekalan darah mereka telah berkurangan atau tersekat ke jantung atau kaki, atau mengalami strok atau menghidap diabetes risiko tinggi. Doktor anda boleh memberitahu anda sekiranya anda berisiko tinggi bagi kejadian-kejadian sedemikian.

Bagaimana Telmisartan tablet Berfungsi

Telmisartan tergolong dalam kelas ubat yang dikenali sebagai antagonis reseptor angiotensin II. Angiotensin II ialah sejenis bahan yang dikeluarkan dalam badan anda yang menyempitkan salur darah anda, lalu meningkatkan tekanan darah anda.

Telmisartan tablet menghalang kesan angiotensin II supaya saluran darah berehat supaya tekanan darah akan diturunkan.

Sebelum menggunakan Telmisartan tablet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- alah kepada telmisartan atau bahan-bahan lain.
- hamil lebih dari 3 bulan. (Adalah lebih baik untuk mengelak pengambilan telmisartan semasa hamil).
- sedang menyusu kerana tidak diketahui jika telmisartan dikeluarkan dalam susu
- mempunyai masalah hati yang teruk seperti kolestasis atau halangan biliar (masalah dengan pengaliran hempedu dari hati dan pundi hempedu) atau mana-mana penyakit hati yang teruk lain.
- mempunyai diabetes atau fungsi buah pinggang terjejas serta anda dirawat dengan ubat untuk tekanan darah tinggi yang mengandungi aliskiren
- mengambil telmisartan dengan mana-mana perencat enzim penukar angiotensin (ACE inhibitor)

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda terlebih dahulu.

- Sebelum mengambil Telmisartan tablet

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.

- sedang menyusu
- mempunyai penyakit hati atau masalah pengaliran hempedu dari hati dan pundi hempedu
- mengalami penyempitan saluran darah untuk satu atau kedua-dua buah pinggang.
- mengalami penyakit buah pinggang atau pemindahan buah pinggang.
- mengalami kehilangan air atau natrium disebabkan terapi diuretic (“tablet air”), diet rendah garam, cirit-birit atau muntah.
- sedang mengambil ubat untuk tekanan darah tinggi seperti perencat enzim penukar angiotensin (ACE), penghalang reseptor angiotensin II atau aliskiren.
- mengalami gagal jantung atau penyakit buah pinggang.
- mengalami atau pernah mengalami paras aldosteron dibangkitkan (air dan pengekalan garam dalam badan bersama-sama dengan ketidakseimbangan pelbagai mineral darah).
- mengalami masalah jantung.
- mengalami penyakit kencing manis.
- berisiko mengalami kenaikan paras kalium dalam darah.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil, baru-baru ini mengambil atau mungkin akan mengambil sebarang ubat-ubatan lain. Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat-ubatan lain atau mengambil langkah berjaga-jaga lain. Dalam beberapa kes, anda mungkin perlu berhenti mengambil salah satu daripada ubat-ubatan. Ini khususnya kepada ubat-ubatan yang disenaraikan di bawah diambil pada masa yang sama dengan Telmisartan tablet:

- Digoxin
- Ubat-ubatan yang boleh meningkatkan tahap kalium darah seperti spirinolactone, eplerenone, triamterene and amiloride.
- Lithium

HOVID-TELMISARTAN TABLET

Telmisartan 40mg dan 80mg

- NSAIDs (ubat anti-radang bukan steroid seperti aspirin atau ibuprofen)
- Diuretik ('tablet air') seperti furosemide, terutamanya jika diambil dalam dos yang tinggi bersama-sama dengan telmisartan.
- Perencat enzim penukar angiotensin (ACE), penghalang reseptor angiotensin II atau aliskiren.

Cara menggunakan Telmisartan Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Anda haruslah mengikut arahan yang telah diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda.

Dos biasa bagi Telmisartan ialah sebiji tablet sehari. Cuba ambil tablet pada waktu yang sama setiap hari. Anda boleh mengambil Telmisartan bersama atau tanpa makanan. Tablet perlu ditelan dengan air atau minuman bukan alkohol lain.

Jika hati anda tidak berfungsi dengan betul, dos biasa tidak haruslah melebihi 40 mg sehari.

Rawatan tekanan darah tinggi

Bagi rawatan tekanan darah tinggi, dos biasa Telmisartan untuk kebanyakan pesakit adalah 40 mg tablet sekali sehari bagi mengawal tekanan darah di sepanjang tempoh 24 jam. Walau bagaimanapun, kadang kala doktor anda akan mengesyorkan dos lebih rendah seperti 20 mg atau dos lebih tinggi iaitu 80 mg. Sebagai pilihan, Telmisartan boleh digunakan dengan gabungan diuretik ('tablet air') seperti hidroklorotiazida yang telah ditunjukkan mempunyai kesan merendahkan tekanan darah tambahan bersama hovid-Telmisartan Tablet.

Mengurangkan kejadian kardiovaskular

Dos biasa telmisartan adalah sebiji tablet 80mg tablet diambil sekali sehari.

Telmisartan tablet haruslah diambil setiap hari melainkan doktor menasihatkan anda sebaliknya.

Sekiranya anda mempunyai tanggapan bahawa kesan telmisartan adalah terlalu kuat atau lemah, anda haruslah berbincang mengenai perkara tersebut dengan doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Pastikan pengambilan ubat ini adalah seperti arahan yang telah ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti mengenainya.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu mengambil telmisartan tablet setiap hari.

Sentiasa berhubung dengan doktor anda, dan jangan berhenti mengambil telmisartan tablet tanpa nasihat doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambil ubat dengan secepat mungkin setelah anda ingat. Jika anda tidak mengambil tablet anda pada satu hari, ambil dos normal anda pada hari berikutnya. Jangan ambil dos berganda bagi memenuhi dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak tanpa disengajakan, hubungi doktor, ahli farmasi, atau jabatan kecemasan hospital terdekat anda dengan segera.

Semasa menggunakan Telmisartan tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor:

- Jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.
- Jika anda mengalami reaksi alahan / sebarang kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat ini.

Ambil ubat anda pada masa yang tepat sepertimana yang telah diberitahu. Rujuk pada doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali telah mendapat nasihat daripada doktor anda.
- Jangan ambil ubat yang baru tanpa nasihat doktor.
- Jangan memberi Telmisartan tablet ini kepada orang lain walaupun mereka mengalami keadaan sakit yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin Sesetengah orang berasa pening atau letih apabila mengambil telmisartan. Jika anda berasa pening atau letih, jangan memandu atau mengendalikan jentera.

Hubungi doktor anda jika anda berasa sesuatu yang yang tidak normal atau luar biasa.

Kesan-sesan sampingan

Seperi semua ubat-ubatan, Telmisartan tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mendapat kesan yang sama.

Tekanan darah rendah adalah biasa dilaporkan di kalangan pesakit yang mengambil Telmisartan tablet.

Kesan sampingan yang jarang

- Jangkitan saluran kencing
- Faringitis (keradangan di bahagian kerongkong)
- Sinusitis (keradangan sinus)
- Anemia (paras sel darah merah yang rendah)
- Kenaikan paras kalium dalam darah
- Insomnia, depression
- Sinkop (kehilangan kesedaran sementara disebabkan penurunan tekanan darah)
- Vertigo (pening kepala)
- Bradikardia (kadar jantung yang perlahan)
- Hipotensi ortostatik (penurunan tekanan darah yang terjadi tiba-tiba saat berubah posisi dari telentang ke posisi duduk atau tegak)
- Dispnea (kesukaran bernafas)
- Batuk

HOVID-TELMISARTAN TABLET

Telmisartan 40mg dan 80mg

- Kesakitan abdomen
- Cirit-birit
- Dispepsia (pencernaan yang terganggu), flatulens (kembung)
- Muntah
- Kegatalan
- Hiperhidrosis (penghasilan peluh yang berlebihan)
- Ruam
- Sakit belakang
- Spasm otot, sakit otot
- Gangguan renal
- Sakit dada
- Astenia (kelemahan badan)

Jika anda mendapat apa-apa kesan sampingan lain, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk apa-apa kesan sampingan yang mungkin tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web <http://npra.moh.gov.my/> “(Consumers → Reporting)”

Cara penyimpanan dan pelupusan Telmisartan Tablet

- Penyimpanan

Simpan ubat ini daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C. Anda perlu menyimpan ubat anda dalam pakej asal untuk melindungi tablet dari kelembapan. Keluarkan Telmisartan tablet anda dari *blister* terus sebelum pengambilan

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Sila rujuk pegawai farmasi untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang tidak lagi digunakan.

Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

hovid-Telmisartan Tablet 40mg berwarna putih ke putih pudar, berbentuk kapsul diukir dengan “H” di satu pihak dan kosong di sisi lain.

hovid-Telmisartan Tablet 80mg berwarna putih ke putih pudar, berbentuk bujur diukir dengan “D” di satu pihak dan kosong di sisi lain.

- Bahan-bahan kandungan

- *Bahan Aktif*

hovid-Telmisartan Tablet 40mg mengandungi 40mg telmisartan.

hovid-Telmisartan Tablet 80mg mengandungi 80mg telmisartan.

- *Bahan Tidak Aktif*

Meglumine
Sodium hydroxide
Povidone
Mannitol
Magnesium stearate.

- Nombor MAL

MAL19056118ACZ (40mg)

MAL19056117ACZ (80mg)

Pengilang

Jubilant Generics Limited
Village Sikandarpur Bhainswal,
Roorkee Dehradum highway,
Bhagwanpur, Roorkee Distt. –
Haridwar, Uttarakhand – 247661
India.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.
121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/10/2019

Nombor Siri

NPRA(R2/1)191017/271